

# **HUBUNGAN BRUNEI – GREAT BRITAIN**

oleh  
**Dr. Muhammad Hadi bin Md Melayong**

## Pengenalan

*'Pulau Labuan di minta segera'*

*Akan jalan tiang bendera  
Di sana tepat berkira-kira  
Dari Sarawak ke Singapura.*

*Dagang tercangang mendengar titah  
Hati di dalam sangat gelabah  
Labuan bukannya mudah  
Alamat Negeri di bawah perintah<sup>1</sup>*

Kegundahan hati Pengiran Indera Mahkota Pengiran Haji Mohd. Salleh pada tahun 1840an mengenai nasib masa depan Brunei akhirnya menjadi satu kenyataan, sebagaimana beliau luahkan dalam rangkap baris akhir ‘Syair Rakis’ yang telah beliau karang yang berbunyi ‘alamat negeri di bawah perintah’ telah berlaku terhadap Brunei. Bermula dengan perjanjian pada 18 Disember 1846 Pulau Labuan telah diambil oleh pihak Inggeris dan seterusnya permulaan pertapakan kuasa British di bumi Brunei dengan tertandatanganinya perjanjian Naungan 1905/1906 antara Brunei dan Great Britain.

Dengan lain perkataan penjajahan Pulau Labuan adalah sebagai muslihat pihak British untuk mengembangkan sayapnya di Kepulauan Borneo khususnya

---

<sup>1</sup> Al-Marhum Pengiran Shahbandar Pengiran Mohamad Salleh ibnu Pengiran Sharmayuda. *Syair Rakis*, Pusat Sejarah. Jabatan Percetakan Kerajaan Brunei, 1983. hal 60.

Brunei dalam menyaingi pengaruh kuasa-kuasa Barat yang lain yang memang mempunyai minat terhadap Brunei. Pengambilan Labuan secara *illegally* dan pemaksaan dengan mengancam pengeboman<sup>2</sup> istana Sultan adalah merupakan satu kekerasan yang menyebabkan baginda sultan tidak ada pilihan melainkan mempersetujui permintaan British. Dalam hal ini Sultan Omar Ali Saifuddien II tidak boleh dipersalahkan kerana menyerahkan Pulau Labuan pada British yang mana menimbulkan kekecewaan dihati Pengiran Indera Mahkota Pengiran Haji Mohd Salleh. Pada hakikatnya, Sultan Omar Ali Saifuddien II memang *reluctant and dilatory in meeting the British demands*,<sup>3</sup> bagaimanapun disebabkan ketidak kemampuan Brunei menghadapi kecanggihan angkatan laut British dibawah perintah Kapten Rodney Mundy pada tahun 1846, *finally pressed under threat of bombardment, the treaty of cession was signed and Labuan became colony on 18th December 1846'*.<sup>4</sup>

Kepentingan Pulau Labuan bukan sahaja sebagai tempat peninjau British untuk memerhati perkembangan dan pergolakan politik di Brunei di samping menjadikannya sebagai pusat perdagangan untuk menyaingi dan mengganti Brunei. Lantas itu Pengiran Indera Mahkota telah menyedari bahawa sesiapapun yang memiliki Pulau Labuan akan menjadikannya sebagai pusat strategik dalam bidang politik dan ekonomi dalam usaha untuk menyaingi Brunei. Bermula dari pertapakan di Pulau Labuan British, mula campurtangan dalam pergolakan politik di Brunei. Perjanjian persahabatan yang bermula pada tahun 1847 kemudian 1888 adalah titik bermulanya kuasa British mengembangkan pengaruhnya ke Brunei.

---

<sup>2</sup> CO1030/164. 'Aide memoire on the proposal That The Island of Labuan should be Restored to the State of Brunei.

<sup>3</sup> *Ibid.*

<sup>4</sup> *Ibid.*

Pada tahun 1890, Limbang telah dirampas oleh Dinasti Brooke di Sarawak, lanjutan dari pengambilan ini akhirnya, Sultan Hashim Aqamaddin (1885-1906) terpaksa menerima cadangan pihak British untuk memperkenalkan Sistem Resident di Brunei. Dengan tertandatanganinya perjanjian penuangan dengan British pada tahun 1905/06, Brunei bukan sahaja terselamat daripada menjadi wilayah yang terakhir yang hendak diambil oleh Dinasti Brooke di Sarawak bahkan kekal dengan status sebagai sebuah negara kesultanan sehingga ke hari ini. Pertapakan awal kuasa British di Brunei pada tahun 1906 telah digambarkan oleh Peter Blundell dengan memperlihatkan ketibaan kapal perang British di Kampung Air, sebagaimana katanya:

*"One morning some time after I had taken over the management a British gunboat came up the river and anchored. A salute boomed out from heer. An answering solute came from the palace. I saw from my veranda a launch full of white-cloud figures come swiftly across the lake and draw up alongside the place landing steps. ...The white cloud figures ascended for a time Brunei remained silent in suspense. Then again the guns boomed, telling the news to all... Brunei was an independent state no more".<sup>5</sup>*

Perjanjian 1905/06 adalah merupakan penyelamat bagi Brunei dengan melangkah kehadapan untuk melalui era kemodenan dalam bidang pentadbiran awam dan pembangunan sosioekonomi. Ini adalah berikutan pengenalan Sistem Resident yang bermula pada tahun 1906 hingga 1959. Perjanjian ini bukan sahaja telah mengubah corak pemerintahan tradisi kesultanan tetapi juga telah menyebabkan titik permulaan pertapakan kuasa British dalam hal ehwal pemerintahan Negeri Brunei. Pengambilan kuasa ini telah berjalan secara perlahan dengan berdasarkan kepada syarat perjanjian bahawa *His Highness will receive a British officer to be styled Resident and will provide a suitable Residence for him...and his advice must be taken and acted upon on all questions in Brunei.*<sup>6</sup> Resident British akan bertanggungjawab untuk menasihati baginda Sultan dalam semua

---

<sup>5</sup> Peter Blundell, *The City of Many Waters*, J.W. Arrowsmith (London) Ltd., hal. 219.

<sup>6</sup> Brunei Annual Report, 1946, hal.82.

hal kecuali agama Islam.<sup>7</sup> Oleh itu, Resident adalah wakil Kerajaan British untuk mentadbir Brunei melalui pegawasan Pesuruhjaya Tinggi British (Governor Negeri-Negeri Selat dan kemudiannya Govenor Sarawak). Dengan itu, Resident British telah dikenali oleh penduduk Brunei sebagai *Tuan Besar* khususnya mereka yang tinggal di Kampung Air. Kedudukan Pengurus Kilang Ubar yang selama ini dikenali sebagai *Tuan Besar* telah bertukar kepada Resident British sebagaimana kata salah seorang pengutip cukai dari Jabatan Kastam yang baru ditubuhkan pada tahun 1906 kepada Peter Blundell yang memegang jawatan Pengurus Kilang Ubar pada dewasa itu; *I do not call you Tuan Besar, he added gratuitously as I left my work and went to the office to fetch the money. I have been told to call you Tuan Manager. For the Tun Resident himself is the only Tuan Besar that there is in Brunei now.*<sup>8</sup>

### **Pentadbiran Sistem Resident**

Pejabat-pejabat Kerajaan yang awal telah ditubuhkan pada tahun 1906 ialah pejabat Resident British yang dikenali sebagai Bubungan Dua Belas yang terletak di Jalan Residency sebagaimana tercatat dalam Laporan Tahunan Negeri Brunei 1907: '*a permanent Residency was completed in July. It was built on the site of the old consuler house*'.<sup>9</sup> Di samping pejabat ini terdapat juga pejabat Kerajaan yang lain seperti Polis, Kastam, Tanah, Kerja Raya, Pos dan Rumah Persinggahan telah didirikan antara tahun 1906 hingga 1907. Semua jabatan-jabatan yang telah diujudkan ini telah diketuai oleh pegawai British yang didatangkan ke Brunei. Ketiadaan orang Melayu tempatan bertugas di dalam pentadbiran yang baru ini adalah kerana sistem pentadbiran moden yang

---

<sup>7</sup> Abd. Karim Hj. Abd. Rahman, 'Tahun 1988 Masihi,' *Dirgahayu*, Brunei, Jabatan Pusat Sejarah, 1988, hal.46.

<sup>8</sup> Peter Blundell, *Ibid.* h. 222

<sup>9</sup> *Brunei Annual Report*, 1907, hal. 10.

diperkenalkan dalam Sistem Resident adalah jauh berbeza dengan yang pemerintahan tradisi.

Masalah utama yang dihadapi oleh British Resident ialah ketiadaan pegawai pentadbir dan kakitangan awam untuk mengisi jawatan yang baru diwujudkan. Orang Melayu ketika itu, tidak ada yang layak untuk memegang jawatan dalam sistem pentadbiran baru. Sebagaimana kata Resident British, "*their general ignorance and inexperience made it impossible to entrust any very important administrative duties them,*"<sup>10</sup> Memang tidak dapat dinafikan bahawa orang-orang Brunei memang buta huruf ketika itu dan tidak tahu berbahasa Inggeris kerana sekolah sekular telah diperkenalkan pada tahun 1914. Bagaimanapun, tuduhan pihak British yang mengatakan bahawa orang-orang Brunei sebagai '*ignorance*' dan '*inexperience*' adalah dilihat dari segi prespektif kaca mata orang Barat. Mereka mengukur ketidakmampuan orang Brunei berdasarkan kepada tugas dalam hal-ehwal pentadbiran moden yang baru diperkenalkan itu. Tuduhan ini juga adalah berdasarkan kepada penampilan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri yang kurang aktif dalam mesyuarat awal penubuhannya. Hal ini jelas diterangkan oleh Resident British pertama, Mr. Mac Arthur:

*"Meetings of the Council are but rarely necessary or advisable in the present State of Brunei. Their old age precludes the presence of the Pengirans Bendahara and Pemancha, and the attitude of the other leading nobles show's that they are incapable of forming any opinion for themselves the discussion of which might land to the benefit of the country".*<sup>11</sup>

Ketidak keaktifan ahli MMN yang terdiri dari Wazir-Wazir dan Pehin-Pehin Cheteria adalah kerana mereka menganggap perkara tersebut itu adalah sesuatu yang baru dan mereka juga kurang pengetahuan dalam soal-soal

---

10 Brunei Annual Report, 1906, hal. 21.

11 Ibid., Bil. 3, 1909, hal.8.

pentadbiran moden. Jesteru itu, tidak terdapat orang-orang tempatan yang menjawat jawatan dalam pentadbiran moden ini pada peringkat awal perlaksanaan pentadbiran moden ini kecuali jawatan Malay Magistrate yang kemudian dikenali sebagai Pegawai Daerah. Misalnya dalam pasukan polis yang ditubuhkan pada tahun 1907, seorang inspektor dari London dan beberapa orang polis Sikh serta Melayu dari Negeri-Negeri Selat<sup>12</sup> telah dipinjamkan. Orang tempatan hanyalah dilantik menjadi ketua puak di setiap daerah; seperti dinyatakan dalam Laporan Tahunan: “native chiefs were places in charge of the outlying districts as soon as the redemption of monopolies provided employment for the Government Officers.”<sup>13</sup>

Penerimaan seorang Resident British yang asalnya hanya sebagai seorang penasihat sahaja telah bertukar menjadi pemerintah dengan mengetuai pentadbiran awam di Brunei. Malah Resident British sendiri juga telah campur tangan dalam hal ehwal ugama Islam misalnya melalui keahliannya dalam Majlis Mesyuarat Negeri di mana setengah perkara yang diperbincangkan adalah berkaitan mengenai dengan hal ehwal agama Islam.<sup>14</sup> Pada tahun 1935 Resident British telah mengusulkan supaya kewangan dari Tabung Agama Islam boleh digunakan untuk pemberian saguhati kepada Pengiran Bendahara yang menjadi ketua masyarakat Islam dan juga kepada Khadi Besar yang menjadi ketua masjid. Cadangan ini telah diluluskan oleh ahli Majlis Mesyuarat yang bersidang.<sup>15</sup> Sekurang-kurang dengan adanya kuasa British dalam pentadbiran

---

12 *Ibid.*, hal.10.

13 *Ibid.* 1906, hal. 21

14 Dalam sidang Mesyuarat Negeri pada tahun 1938 usul yang telah diketengahkan oleh Resident British telah dipersetujui oleh ahli majlis mesyuarat yang bersidang di mana ‘the full fee for registration of Mohammedan marriages prescribed in Section 3 of the Mohammedan Marriage and Divorce Enactment, 1913, shall be paid in the revenue...’. Resident British juga berpendapat jika ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri bersetuju memperkenalkan undang-undang untuk menghukum umat Islam yang tak berpuasa di bulan Ramadhan maka perkara tersebut boleh diusulkan dalam Majlis Mesyuarat Negeri untuk dibincangkan. Sila rujuk Minit Majlis Mesyuarat Negeri, 20 September 1938, Arkib Negara, Brunei.

15 Minit Majlis Mesyuarat Negeri, 26 Oktober 1935, Arkib Negara Brunei.

politik, corak dan dasar yang dilaksanakan adalah melibatkan soal cara hidup dan budaya orang Brunei. Oleh itu, pengaruh budaya Barat telah mula meresap ke dalam kehidupan dan pemikiran generasi muda masa itu.

Inilah faktor utama yang menyebabkan tugas Resident yang hanya sebagai Penasihat Sultan adalah tidak praktikal kerana pada realiti Resident British sendiri terpaksa menggerakkan jentera pentadbiran Kerajaan berdasarkan kepada perancangan beliau sendiri yang mana kadang-kadang tidak merujuk kepada baginda Sultan untuk meminta pandangan atau nasihat. Kadang-kadang baginda Sultan sendiri tidak menghadirinya Majlis Mesyuarat Negeri yang bersidang.<sup>16</sup> British Resident adalah pemegang kuasa pentadbir tertinggi di Brunei dalam menjalankan pentadbiran negeri dengan merujuk kepada British High Commisioner bagi Asia Tenggara ataupun Setiausaha Tanah Jajahan di London.

Ini membuktikan pada realitinya pentadbiran negeri sedikit demi sedikit telah diambil alih oleh Resident British. Begitu juga halnya dalam hal perjanjian sempadan dimana kadang-kadang Resident British menandatangani bagi mewakili baginda Sultan yang mana sepatutnya tidak sah dari segi perundangan. Implikasinya, perjanjian sempadan antara Brunei dengan negara jiran tidak begitu jelas dan tetap mengenai kedudukan garis sempadan sebenarnya. Penguasaan Resident British dalam pentadbiran ini diakui oleh J.W.E. Peel sebagaimana katanya:

*"I had very wide powers indeed. I was really responsible for the affairs of the state. In the State Council which presided over by the Sultan, I was sitting next to him to*

---

<sup>16</sup> Misalnya Sultan Ahmad Tajuddin sendiri mula hadir dalam MMN pada bulan March 1926. Baginda telah tidak menghadiri MMN yang bersidang melebihi dari 80 kali dari tahun 1926 sehingga 1949. Perkara ini telah memberi peluang kepada Resident British untuk menggunakan kuasanya dalam pemerintahan Negeri Brunei.

*advise him, because actually I did the paper work of the meeting. Absolutely, I ran the government".<sup>17</sup>*

Dalam zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin 1924-1950, baginda memang menyedari akan kehilangan kuasa baginda yang dibolot oleh Resident British. Dan baginda sentiasa menyuarakan rasa ketidak kepuasan terhadap dasar British yang sentiasa menyekat dan menguasai kedudukan baginda sebagai seorang pemerintah. Misalnya dari segi gaji atau elaun bulanan baginda adalah dikuasai atau telah ditetapkan oleh pihak British. Baginda pernah menuntut supaya elaun tersebut tetapi tidak dipersetujui oleh pihak British.

### **Kesedaran Semangat Kebangsaan**

Rasa tidak puas hati terhadap penguasaan Resident British dalam pentadbiran di Brunei menyebabkan Sultan Ahmad Tajuddin menyokong kuat perjuangan, anti-penjajahan yang dipelopori oleh Barisan Pemuda (BARIP) untuk memperjuangkan hak asasi bangsa Melayu Brunei dalam tahun 1940an selepas zaman pendudukan Jepun. Akibat dari pendudukan Tentera Jepun dan pengaruh dari suara kemerdekaan negeri-negeri jiran telah mengujudkan pergerakan berpolitik di Brunei. Golongan terpelajar Brunei telah mula menyuarakan rasa tidak puas hati mereka terhadap kuasa British di Brunei menyebabkan sebahagian daripada mereka digantung dari bekerja dan dipenjarakan. Penentangan awal terhadap penguasaan British ini tidak mencapai matlamatnya yang mana kemudian diteruskan oleh Parti Rakyat Brunei yang ditubuhkan pada tahun 1956.

Tetapi keadaan ini mula berubah apabila Pengiran Bendahara Omar Ali Saifuddien menaiki takhta pada tahun 1950 mengganti kekanda Baginda Sultan

---

<sup>17</sup> Muhammad Hadi Abdullah, *Brunei's Political Development and the Formation of Malaysia: 1961-1967*, PhD. Thesis, Hull University, 2002, hal. 14.

Ahmad Tajuddin yang lindung di Singapura. Sebaik sahaja ditabalkan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien (SOAS) berusaha untuk mengambil alih semula kuasa pentadiran dalam negeri dari tangan Resident British dengan secara diplomasi. Langkah permulaan ialah melalui perancangan mengadakan Perlembagaan bagi Negeri Brunei pada tahun 1953. Ini dilakukan bukan sahaja untuk mengurangkan kuasa Resident British malah melantik dan menggalakkan anak tempatan sendiri memegang jawatan di dalam jabatan-jabatan Kerajaan. Rancangan ini dilaksanakan melalui proses penghantaran anak tempatan belajar keluar negeri dan peningkatan taraf persekolahan pendidikan di Brunei.<sup>18</sup> Rancangan pembaharuan ini secara tidak langsung akan mengurangkan kuasa Resident dan menambahkan bilangan anak tempatan dalam mentadbir dan menguruskan pemerintahan Negeri Brunei.

Bagaimanapun usaha SOAS untuk mengambil alih pentadbiran dalam negeri ini telah mendapat halangan dan tentangan Resident British dan Pesuruhjaya Tinggi British bagi Brunei. Perkara ini diakui oleh SOAS sendiri sebagaimana titahnya;

*“Sungguh Beta merasa adakalanya susah dan adakalanya atau terkadang-kadang kita menemui berbagai-bagai kesulitan-kesulitan dan rintangan-rintangan yang mana Beta faham keadaan yang sedemikian itu memang menjadi adat dunia, terutama kepada bangsa-bangsa yang ingin menempuh kemajuan dan kemakmuran serta keselamatan seperti Brunei ini.”<sup>19</sup>*

Oleh itu, perlaksanaan perlembagaan baru itu akan melibatkan hubungan antara Brunei dengan Kerajaan British khususnya dari segi pembahagian kuasa dalam dan luar negeri. Apa yang dicita-citakan oleh Baginda Sultan ialah kuasa

---

<sup>18</sup> Pelajar-pelajar tempatan telah mula di hantar ke Pulau Labuan untuk mengikuti pelajaran dalam Sekolah Inggeris dibawah skim dermasiswa kerajaan Brunei. Pengiran Shahbandar telah mula menyuarakan dalam MMN yang bersidang pada November tahun 1931 supaya Sekolah Inggeris dan Agama didirikan di Bandar Brunei. Resident British berjanji akan mengadakan Sekolah Inggeris pada tahun 1933. Bagaimanapun, ianya terlaksana 20 tahun kemudian apabila Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien didirikan pada tahun 1953.

<sup>19</sup> Titah 1959-1967, DYMM Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, hal.14.

pentadbiran dalam negeri yang selama ini berada di tangan British akan berpindah tangan kepada Baginda Sultan sendiri dan anak-anak tempatan. Sejauh manakah perkara ini dapat diperlakukan bukan setakat bergantung kepada intipati perlembagaan yang akan diperkenalkan tetapi juga kepada kemampuan anak tempatan yang akan memikul tanggungjawab tersebut.

Bagi mencapai hasrat ini, SOAS telah mengemukakan kehendak rakyat Brunei kepada Resident British dan Pesuruhjaya Tinggi bagi Brunei iaitu Sir Anthony Abell (Govenor Sarawak). Pada hakikatnya memang cadangan ini dipersetujui oleh Kerajaan British bagaimanapun, Sir Anthony Abell dan Resident British telah cuba melengah-lengahkan proses perlaksanaan dan juga perundingan Baginda Sultan dengan Kerajaan British. Ini adalah kerana kedua-dua mereka ini sedar bahawa perlembagaan baru ini akan memberi implikasi yang besar terhadap pengurangan pengaruh British dalam pentadbiran awam di Brunei serta secara tidak langsung melibatkan perubahan terhadap hubungan dua hala antara British dengan Brunei khususnya dari segi status Brunei sebagai "Negeri Naungan."<sup>20</sup> Sebagaimana titah baginda bahawa dengan ada perjanjian Perlembagaan ini akan meninggikan taraf Negeri Brunei Darussalam di dunia antarabangsa, kerana cadangan hendak menghapuskan jawatan Resident British telah dipersetujui oleh Kerajaan British.<sup>21</sup> Oleh itu bagi menghalang dan menggagalkan cita-cita Baginda untuk mengambil semula kuasa pentadbiran dalam negeri, Sir Anthony Abell telah membuat rancangannya tersendiri untuk melengahkan proses perlaksanaan perlembagaan yang baru ini. Dengan tujuan untuk mengekalkan pengaruh British dalam pentadbiran.

### **Rancangan Penyatuan Tiga Wilayah**

---

20 *The Daily Star*, Wednesday, March 27. 1968.

21 *Ibid.* Titah 1959-1967. hal. 18.

Dalam tahun 1950an, Sir Anthony Abell sentiasa memberi tekanan kepada SOAS supaya menerima cadangan beliau untuk mengujudkan Rancangan Penyatuan Tiga Wilayah (Brunei, Sabah, Sarawak) malah Sir Anthony Abell sendiri merundingkan supaya Pulau Labuan diserahkan kembali kepada Brunei dengan harapan untuk memujuk Baginda Sultan menerima cadangannya.<sup>22</sup> Bagi menjayakan rancangan penyatuan ini, Sir Anthony Abell telah membincangkan perkara ini dengan Pesuruhjaya Agung bagi British di Asia Tenggara dan juga menghadapkan cadangannya itu kepada Setiausaha Tanah Jajahan dimana beliau berpendapat bahawa supaya tidak menimbulkan sebarang kesangsian SOAS adalah perlu dibuat satu '*concession to Brunei in exchange further coopertion*'.<sup>23</sup> Sir Anthony Abell berkeyakinan bahawa '*Labuan can more satisfactorily administrated and more speedily developed by Brunei than by North Borneo*'.<sup>24</sup> Penyatuan seperti ini tidak akan menjaskan Labuan sebagai pusat perdagangan antarabangsa sebagaimana yang diketahui bahawa urusan import dan eksport bagi Brunei adalah melalui Labuan. Maka jelaslah bahawa rancangan Sir Anthony Abell ini mahu menyekat perkembangan Brunei bukan sahaja dari segi politik bahkan juga ekonomi.

Tetapi Baginda Sultan tetap tidak setuju dan mahu Brunei di bawah pemerintahan berasingan dengan Sarawak. Baginda menganggap rancangan ini akan merugikan Brunei dari segi politik dan ekonomi malah akan menggagalkan rancangan perlaksanaan perlembagaan baru yang dicadangkan itu. Baginda Sultan sedar bahawa rancangan Sir Anthony Abell adalah satu halangan besar yang akan membantut proses pengambilan semula kuasa pemerintahan dalam negeri dari Resident British ketangan Sultan. Ianya juga akan menggagalkan

---

22 CO1030/164- 'Argument in Pavour of Labuan Reverting To Brunei Sovereignty are as follows:

23 CO1030/164-Letter from Allan Lennox Boyd, Colonial Office, London to Commissioner-for the United Kingdom in South East Asia, 25 March 1955.

24 CO1030/164-Arguement in favour of Labuan Reverting to Brunei Sovereignty are as follows:

rancangan Baginda untuk menempatkan anak-anak tempatan dalam pentadbiran negeri misalnya melalui keujudan jawatan ‘Menteri Besar’ sebagai ketua bagi mentadbir dan mengetuai perkhidmatan awam di Brunei, kerana pada masa itu masih dipegang oleh pegawai British dan juga pegawai-pegawai dari Sarawak berdasarkan perjanjian Brunei dengan Sarawak pada tahun 1948.<sup>25</sup>

Anthony Abell juga tidak mendapat sokongan dari Setiausaha Tanah Jajahan akan Rancangan Penyatuan Tiga Wilayah dan penyerahan Labuan di bawah pentadbiran di Brunei. SOAS tetap menolak kerana Baginda yakin rancangan ini tidak akan menguntungkan bagi Brunei misalnya dari segi ekonomi rancangan ini lebih banyak membebankan Brunei kerana berdasarkan kepada penyatuan ini *‘Brunei will undertake to provide such lands or facilities as are required for the proper establishment and maintenance or expansion of military installations required by Her Majesty Government for the defence of Sarawak, North Borneo and Brunei and for successful prosecution of operations against the Queen’s enemies’.*<sup>26</sup>

Setiausaha Tanah Jajahan, Alan-Lennox Boyd menyedari bahawa SOAS tidak bersetuju penyatuan ini dilaksanakan sebelum Brunei mendapat Perlembagaannya sendiri.<sup>27</sup> Begitu juga halnya dengan cadangan untuk meletakkan Labuan di bawah pentadbiran Brunei *“for administrative purposes, whilst retaining its status as a British territory will require further careful consideration.”*<sup>28</sup> Akhirnya, rancangan Anthony Abell ini tidak mendapat sokongan pejabat Tanah Jajahan di London. Ronald Turnbull, Gabenor Borneo Utara menyedari rancangan ini adalah lebih dipengaruhi oleh kepentingan

---

25 Dr. Sabihah Osman, ‘Orang-Orang Persekutuan Tanah Melayu Di Brunei 1950-63,’Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei, 28031 Ogos 1989 Anjuran Pusat Sejarah Brunei, hal. 16.

26 CO1030/164-Arguement in favour of Labuan Reverting to Brunei Sovereignty are as follows:

27 CO1030/164-Letter from Allan Lennox Boyd to Commissioner General for the United Kingdom in South East Asia, 25 March 1955.

28 *Ibid.*

peribadi, dan tidak begitu bersetuju dengan perlaksanaannya. Setiausaha Tanah Jajahan juga membangkang sebagaimana suratnya pada Pesuruhjaya Tinggi bagi United Kingdom di Asia Tenggara yang bertarikh 20 Mac 1955.

*"After full consideration of all there problems, I have reached the conclusion that it is at present too early to agree even in principle to the separation of Brunei from Sarawak. It is clearly important that the state government should be allowed time to settle down after the new constitutional reforms have taken place, and I think that concession of the kind proposed should be consider only when the sucess of the new constitution has been established...this proposal should be deferred until the reformed Brunei Government has been able to show its capacity for management of its own affairs."*<sup>29</sup>

Ini bermakna bahawa SOAS akan terus memperjuangkan perlembagaan bagi Brunei untuk mencapai matlamat pengambilan semula pemerintahan dalam negeri dari tangan British ke orang-orang tempatan. Sir Anthony Abell akhirnya terpaksa mengajukan rancangan perlembagaan bagi Brunei di mana beliau mencadangkan agar Baginda Sultan berunding terus dengan Setiausaha Tanah Jajahan di London. Bagaimanapun Sir Anthony Abell tetap tidak berputus asa untuk meneruskan rancangannya bagi Penyatuan Tiga Wilayah. Beliau telah menggunakan kedudukan Setiausaha Tanah Jajahan supaya membincangkan isu ini dalam mesyuarat akan datang di London. Sir Anthony Abell melihat bahawa rancangan penyatuan ini akan mendapat sokongan segelintir daripada rakyat diketiga buah wilayah misalnya Parti Rakyat Brunei (PRB) yang berhaluan kiri yang dipimpin oleh A.M. Azahari. Lagipun, cadangan ini adalah bergantung kepada sikap dan pendirian rakyat Borneo di mana '*federation was a matter for the peoples of territories themselves*'<sup>30</sup> dan bukannya ditentukan oleh Sir Anthony Abell sendiri.

---

29 Ibid.

30 Ibid.

Dalam mesyuarat di London pada tahun 1957 SOAS tetap menolak cadangan ini, dan baginda hanya meminta sekiranya perkara ini disuarakan oleh rakyat baginda sendiri barulah baginda berminat untuk berbincang dengan Gabenor Sarawak dan Borneo Utara. Setiausaha Tanah Jajahan telah mengingati baginda bahawa PRB berminat tentang rancangan Penyatuan Tiga Wilayah ini. Bagaimanapun baginda Sultan tetap menolak rancangan tersebut, sebab baginda sedar bahawa British tidak boleh memaksa baginda untuk menerima cadangan tersebut melainkan memberi nasihat sahaja berdasarkan Perjanjian Naungan 1905/06. Setiausaha Tanah Jajahan terpaksa akur dengan pendirian baginda dan mengakui bahawa kerajaan British tidak pernah memaksa Brunei untuk menerima nasihat dari pegawai British dan menurutnya lagi "... *in any event, closer association if it were to be effective must spring from a welling agreement between the three territories concerned.*" Oleh itu Penyatuan Tiga Wilayah hanya tinggal menjadi satu impian Sir Anthony Abell yang mana kemudiannya akan diperjuangkan oleh PRB.

### **Pengambilan Semula Kuasa Pemerintahan dalam Negeri**

Pertemuan pertama Baginda Sultan dalam perundingan di London ialah pada 11 September 1957 yang mana Setiausaha Tanah Jajahan telah diwakili Sir John Martin.<sup>31</sup> Antara perkara-perkara yang Baginda kemukakan dalam perbincangan itu ialah mengenai perlantikan Menteri Besar dan kuasa Pesuruhjaya Tinggi British bagi Brunei.<sup>32</sup> Kedua-dua perkara ini adalah merupakan persoalan penting yang menentukan sejauhmana Baginda Sultan akan dapat mengambil semula kuasa pentadbiran dalam negeri Brunei dari pihak British. Jika kuasa Pesuruhjaya Tinggi British dalam hal ehwal pentadbiran di Brunei dikekalkan

---

31 CO1030/460-Note of Meeting with His Highness the Sultan Of Brunei, held in Sir John Martins room at 3 p.m. on 11 September 1957.

32 CO1030/460-Note of Meeting with His Highness the Sultan of Brunei held on 11, 27 and 30 September 1957.

maka ini bermakna usaha Baginda untuk membawa Brunei ke arah berkerajaan sendiri akan terbantut. Perlembagaan baru yang dicadangkan ini adalah merupakan asas awal bagi menuju ke arah berkerajaan sendiri dengan pengambilan semula kuasa pentadbiran awam dari Resident ke Menteri Besar.

Oleh itu Setiausaha Tanah Jajahan khususnya Sir Anthony Abell telah berusaha menghalang akan keujudan jawatan Menteri Besar serentak dengan penandatangani perjanjian Perlembagaan Brunei 1959. Kerajaan British melalui Setiausaha Tanah Jajahan, menasihati Baginda Sultan bahawa adalah tidak '*practicable or wise too much such important change at the same time as the new constitution was introduced*<sup>33</sup> and also her Majesty advise to the Sultan was not to do everything at once, but to proceed slowly.'

<sup>34</sup>

Dengan lain perkataan Setiausaha Tanah Jajahan lebih bersetuju sekiranya perlantikan Menteri Besar dapat ditangguhkan buat seketika iaitu dua tahun setelah perlembagaan di jalankan dengan alasan bahawa sekiranya kuasa tersebut diambilalih oleh Menteri Besar perkara ini akan mengurangkan kuasa British untuk membantu Brunei dalam membuat pembaharuan dibidang pentadbiran.<sup>35</sup> Lagipun adalah terlalu sukar untuk mendapatkan orang yang akan menjawat jawatan baru yang diujudkan dan perlu diberi bimbingan serta latihan dalam menjalankan tugas baru itu.

Bagaimanapun Baginda Sultan tetap berkeras bahawa lantikan itu tidak lagi boleh ditangguhkan kerana proses perlembagaan ini sudah memakan masa agak lama<sup>36</sup> iaitu hampir 5 tahun sejak tertubuhnya jawatan kuasa ‘Tujuh

---

<sup>33</sup> CO1030/460-Note of Meeting with His Highness the Sultan of Brunei held in Sir John Martins rooms at 3 p.m. on 11 September 1957.

<sup>34</sup> CO1030/460-Note of Meeting with His Highness the Sultan of Brunei held on 27 September 1957.

<sup>35</sup> *Ibid.*

<sup>36</sup> *Ibid.*

Serangkai' pada tahun 1953 sehingga tahun 1959. Lagipun keujudan jawatan Menteri Besar adalah atas kehendak dan kemahuan rakyat Brunei.<sup>37</sup> Baginda juga menjelaskan bahawa calon yang akan menjawat jawatan Menteri Besar itu sudah ada. Setiausaha Tanah Jajahan cuba mengekalkan kuasa dan pengaruh British di Brunei melalui lantikan Pesuruhjaya Tinggi British bagi Brunei yang akan berperanan sebagai penasihat kepada Baginda Sultan untuk mengganti jawatan Resident British. Bagaimanapun, jawatan Pesuruhjaya Tinggi British tidak lagi bertanggungjawab dalam soal pentadbiran dalam negeri melainkan menasihati Sultan dalam hal ehwal pertahanan dan hubungan luar negeri.<sup>38</sup> Memandangkan kepada kekurangan pengaruh British dalam pentadbiran di Brunei, Setiausaha Tanah Jajahan telah memaksa baginda Sultan supaya kuasa Pesuruhjaya Tinggi British dimasukkan di dalam perlembagaan Brunei yang dicadangkan itu, kerana ianya tidak memadai sekiranya hanya dimasukkan dalam syarat-syarat perjanjian antara Brunei dengan Kerajaan British.

Bagaimanapun, SOAS menolak cadangan ini dengan alasan bahawa 'perlembagaan yang akan diperkenalkan merupakan perlembagaan yang pertama bagi Brunei untuk anak negeri dan Sultannya.<sup>39</sup> Oleh itu, bagi baginda "*that his name only should appear in it and that High Commissioner powers be referred to in the Agreement.*"<sup>40</sup> Memandangkan kepada ketegasan baginda dalam membuat keputusan untuk tidak menerima cadangan itu, akhirnya Kerajaan British terpaksa akur dengan pendirian baginda.

### **Penyerahan Semula Kuasa Pemerintahan Dalam Negeri**

---

37 *Ibid.*

38 Perjanjian Negeri Brunei, 1959, Jabatan Percetakan Kerajaan Brunei.

39 CO1030/460-Note of Meeting Between the Secetary of State and High Highness the Sultan of Brunei. Held at the Colonial Office on Monday, 30 September 1957.

40 *Ibid.*

SOAS telah berjaya memperjuangkan apa yang dikehendaki oleh rakyat baginda dalam membawa Brunei ke arah berkerajaan sendiri. Ini ternyata dengan tertandatanganinya Perjanjian Perlembagaan pada tahun 1959 antara Negeri Brunei dengan United Kingdom yang berlangsung di Bandar Brunei pada 29 September 1959. Dengan termeterainya perjanjian ini, maka tammatlah pemerintahan Sistem Resident di Brunei yang berlangsung hampir lebih kurang setengah abad. Ini bermakna kuasa memerintah dalam negeri diserahkan kembali kepada Sultan. Berdasarkan perlembagaan baru itu empat jawatan pentadbiran negeri iaitu, Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan, Peguam Negara dan Pegawai Kewangan Negara. Walaupun dari segi perundangan Brunei mengambilalih semula kuasa memerintah di dalam negeri tetapi pada praktiknya tenaga luar masih juga memegang jawatan-jawatan tinggi dalam pentadbiran negeri. Ini adalah disebabkan oleh kekurangan tenaga tempatan yang berkemahiran dan berkelulusan yang boleh menjalankan jawatan tersebut.

Oleh itu untuk mengatasi masaalah ini SOAS telah membuat perjanjian dengan Kerajaan British untuk membantu mengisi kekosongan di Jabatan-Jabatan Kerajaan. Dengan lain perkataan pegawai-pegawai British dan termasuk dari Tanah Melayu dibenarkan meneruskan khidmat mereka di Brunei ‘sekiranya mereka suka’. Mengenai hubungan persahabatan Kerajaan British dengan Kerajaan Brunei, SOAS berazam akan terus membuat hubungan yang lebih erat lagi dengan Kerajaan British, “*in a spirit of friendliness*” dan seterusnya baginda bertitah:

*“In London the agreement was reached that Brunei should have its own High Commissioner as representing Her Majesty the Queen with responsibilities as British adviser.”*<sup>41</sup>

---

<sup>41</sup> *The Borneo Bulletin.*, 11hb. April 1959.

## **Bantuan Tentera British**

Meskipun Brunei telah mendapat kembali kemerdekaan dalam negeri namun terdapat suara tidak puas hati terhadap pencapaian tersebut dan menyebabkan meletusnya pemberontakan bulan Disember 1962. Bagaimanapun keamanan telah dapat dipulihkan dengan bantuan ketenteraan yang diberikan oleh Kerajaan British dan negara jiran untuk menghapuskan golongan pemberontak baik dari dalam maupun luar negeri. Nampaknya persetujuan mengenai pertahanan yang terkandung dalam Perjanjian Perlembagaan 1959 telah menyelamatkan kesultanan Brunei. Keadaan ini menyebabkan hubungan Brunei dengan Great Britain bertambah rapat. Kepercayaan Brunei kepada British semakin menebal apabila gagalnya rundingan kemasukan Brunei ke dalam Gagasan Malaysia pada tahun 1963. Dimana SOAS membuat keputusan muktamad di London untuk tidak menyertai Persekutuan Malaysia pada bulan September 1963. Dasar Kerajaan British tetap tidak berubah iaitu terus akan membantu dan melindungi Brunei berdasarkan perjanjian perlembagaan 1959 yang berbunyi:

*"(2) Her Majesty Shall have complete control of the defence of the State, and agrees at all times to protect the State and the Government thereof and to the utmost of Her power to take whatever measures may be necessary for the defence of the State..."<sup>42</sup>*

Ini terbukti berdasarkan kepada penglibatan Tentera British dalam usaha menghapuskan saki baki golongan pemberotak 8 Disember 1962 yang bermula dengan kehadiran angkatan kedua tentera British pada malam 9 Disember daripada Singapura dan seterusnya pada 1 dan 12 Disember yang terdiri dari dua buah kapal perang komando Albion dan Bulwork. Diikuti lagi sebuah kapal pengangkut minyak Gold Ranger dan dua buah kapak periok api penyapu

---

<sup>42</sup> Surat perjanjian perlembagaan Brunei 29 September 1959, h. 5.

pantai.<sup>43</sup> Kenyataannya, kehadiran tentera British ini memang memainkan peranan penting bukan sahaja untuk mengembalikan keamanan di Brunei bahkan mengekalkan survival kesultanan Brunei. Dan seterusnya dalam jangka masa panjang tetap menjadi tulang belakang dalam mempertahankan Negeri Brunei dari segala ancaman musuh dalam dan luar negeri.

Walaupun, nasib Brunei sungguh baik selepas sahaja berlaku pemberontakan tahun 1962, Negeri Brunei boleh dikatakan tidak menghadapi ancaman yang serius khususnya dari segi keselamatan dalam negeri. Lagipun keamanan telah dapat dinikmati dengan adanya kuasa '*deterrent*' oleh pasukan Askar Melayu Diraja Brunei, pasukan Polis Diraja Brunei dan tentera British yang ditempatkan di Brunei.<sup>44</sup> Baginda Sultan yakin bahawa Kerajan British tetap terus bertanggungjawab bagi menjaga keselamatan dalam dan luar negeri Brunei iaitu dengan adanya penempatan pasukan askar Gurkha setelah diadakan perundingan dengan kerajaan British.

Bagaimanapun, di peringkat serantau keselamatan Brunei agak tergugat dalam era tahun 1960an dan 1970an khususnya hubungan Brunei dengan Malaysia dan Indonesia. Keselamatan Brunei masih terancaman apabila golongan pemberontak (sakibaki perjuang PRB) mendapat sokongan dari negara jiran untuk meneruskan perjuangan mereka dalam era konfrontasi Malaysia-Indonesia 1963-1966. Kenyataan ini dapat dilihat apabila penyusupan dan pertempuran di dearah perbatasan antara Malaysia/Indonesia dengan alasan

---

<sup>43</sup> Haji Zaini bin Haji Ahmad, "Pertumbuhan Nasionalisma Di Brunei (1939/1962)", *op.cit.*, h.200.

<sup>44</sup> Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei ditubuhkan pada 31 Mei 1961 apabila 59 orang pemuda-pemuda Brunei telah dihantar ke Port Dickson pagi menjalani latihan ketenteraan setahun sebelum berlaku pemberontakan 1962. Penghujungan tahun 1962 pasukan ini mempunyai 350 orang askar dan mereka ditempatkan di sebuah perkhemahan di Port Dickson bagi menunggu siapnya perkhemahan di Brunei. (Lihat Lt. Col Dato Setia Muhammad bin Haji Daun "Askar Pengawal Keamanan" *Seri Pembangunan*, Bil I Bahagian Penerangan Jabatan Setiausaha Kerajaan Brunei, 1974, h. 45.

untuk membantu perjuangan Rakyat Kalimantan Utara yang mahukan kemerdekaan.

Oleh sebab inilah maka Brunei perlu meminta perlindungan Kerajaan British lebih-lebih lagi Indonesia terlibat secara tidak langsung dengan bekas golongan pemberontak dari Brunei. Brunei sanggup membiayai semua kos bagi melakasankan operasi tentera menghapus perjuang gerila di kawasan perbatasan Malaysia-Indonesia disepanjang tahun 1962-1966. Hal ini telah dipersetujui oleh baginda Sultan dalam pertemuannya dengan Minister of State for Commonwealth Relation pada 8 Disember 1964.<sup>45</sup> Dan di anggarkan kos pertahanan bagi keseluruhan operasi kententeraan yang ditanggung oleh Kerajaan Brunei bagi mempertahankan kedaulatan disepanjang era konfontasi ialah hampir 4.1 million pound.<sup>46</sup> Masalah ancaman dari luar ini telah menyebabkan baginda Sultan mahu mengekalkan sebahagian tentera British dan pasukan Gurkha di Brunei, di samping mengukuhkan kedudukan pasukan Askar Melayu Brunei sendiri.<sup>47</sup>

Baginda Sultan tidak pernah jemu-jemu berunding dengan Kerajaan British untuk tujuan mengekalkan pasukan Gurkha di Brunei. Perkara ini telah dipersetujui oleh *Secretary of State in the light of the Sultan's confirmation that he*

---

<sup>45</sup> Brunei bersetuju bagi menanggung semua kos operasi berikut iaitu (A) December 1962 to May 1963, Army: Whole extra cost of operations in Brunei. Navy and Airforce: (i) December 1962 – whole extra cost of whole Borneo operations; (ii) January to May, one-third extra costs of whole Borneo operations.(B) Post-May 1963, Army: Extra costs of stationing one battalion in Brunei. Navy and Airforce: the proportion of extra costs in Borneo equivalent to the proportion of battalions in Brunei to the total number of battalions in Borneo.(C) Works Services, Brunei would bear the cost of works in Brunei and the British Government would bear the cost of works in Sarawak and Sabah. See DO 169/553, *Brunei*, Minutes dari J.O. Moreton kepada Sir Neil Pritchard, 12 August 1966.

<sup>46</sup> DO 169/553, *Brunei*, Minutes dari J.O. Moreton kepada Sir Neil Pritchard, 12 August 1966.

<sup>47</sup> Jumlah kekuatan tentera Brunei telah ditambah kepada 2 battalion serta satu pasukan kereta kebal Scorpion dan satu bateri peluru berpandu jenis Rapier. Ini tidak termasuk helikopter penggempur dan angkatan lautnya yang mempunyai 6 buah kapal peronda yang membawa peluru berpandu Exocet, -- dan 1,800 orang dalam satu battalion askar jalan kaki.

*willing to meet the full cost.*<sup>48</sup> Menurut Kommender in-Chief bagi Timur Jauh, Ketua Udara Marshal Sir Brian Burnett, perjanjian antara Brunei dengan British akan diadakan pada bulan November, 1970.<sup>49</sup> Perkara ini jelas dari satu kenyataan yang dikeluarkan daripada Bandar Seri Begawan bahawa Baginda Sultan '*on Monday had indicated that Brunei would remain a British protectorate*'.<sup>50</sup> Perundingan ini adalah berkaitan dengan penarikan tentera British di seberang laut<sup>51</sup> seperti yang telah dibincangkan. Kenyataan ini dapat dilihat dari laporan yang dibuat oleh *Associated Press* yang menyatakan bahawa:

*"Britain would sever ties with Brunei at the end of November as the Labour Government had indicated it would in 1968 but they had been a change of government and it has been known for some months that the Sultan was due to have further talks with Britain toward the end of the year."*<sup>52</sup>

Dalam hal ini kerajaan British telah berjanji akan mengekalkan satu batalion tentera Gurkha di Brunei berjumlah sebanyak 600 orang dan sebuah komunika. Perundingan antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan kerajaan British memakan masa selama tiga minggu. Untuk melincinkan perundingan ini, baginda berjanji akan membelanjai semua perbelanjaan askar-askar Gurkha itu.<sup>53</sup> Rundingan ini telah berjalan di antara Anthony Royle Setiausaha Rendah Parlimen Hal Ehwal Luar dan Komenwal pada 10 November hingga 2 Disember 1970.

---

<sup>48</sup> FCO 24/216, Telegram from Commonwealth Office, London to British High Commissioner, Brunei, 21 March 1968. Secretary of Commonwealth, George Thomson telah berbincang dengan baginda Sultan dan Peduka Seri Begawan Sultan di Istana Darul Hana, Brunei pada 7 April 1968 untuk mendapatkan persetujuan baginda Sultan menanggung keseluruhan kos penempatan pasukan Gurkha di Brunei. Rujuk FCO 24/216, Minutes from J.B. Johnston to Secretary of State, 14 March 1968.

<sup>49</sup> *The Borneo Bulletin*, 2 September 1970.

<sup>50</sup> *Ibid.*, 26 September 1970.

<sup>51</sup> Kenyataan ini jelas seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Kerajaan Konservatif Edward Heath yang menekankan rancangan kerajaan Buruh yang dikeluarkan pada bulan Jun, untuk mengundurkan tentera British sebagai langkah pengunduran mereka di Timur Suez.

<sup>52</sup> *Nadi Insan*, 25 September 1970.

<sup>53</sup> *Berita Harian*, 5 Disember 1970.

## Pindaan Perlembagaan 1959 diganti dengan Perjanjian 1971

Bagi mengambil langkah diplomasi di antara permintaan parti politik dalam negeri dan juga tekanan dari Kerajaan British dalam isu perubahan politik dan pencapaian kemerdekaan bagi Brunei, baginda Sultan telah berusaha untuk mengukuhkan lagi perjanjian 1959 dengan mempereratkan perjanjian bersama dalam pertahanan luar dan dalam negeri.<sup>54</sup> Untuk mencapai hasrat kemerdekaan Brunei, baginda telah berangkat ke London pada 1 April 1971. Baginda dan rombongan akan merundingkan mengenai satu perubahan bagi mengeratkan hubungan persahabatan antara Kerajaan Brunei dengan kerajaan United Kingdom.

Perundingan di London telah berhasil membawa kepada satu persetujuan di mana pada 23 November 1971 satu peristiwa yang bersejarah telah berlaku dalam lipatan Sejarah Brunei, satu istiadat menandatangani perjanjian pindaan kepada perjanjian perlembagaan di Bandar Seri Begawan. Dalam istiadat ini Kerajaan baginda Queen telah diwakili oleh Tuan Anthony Royle M.P. Setiausaha Rendah Parlimen Pejabat Luar dan Komenwel untuk menandatangani perjanjian tersebut. Di bawah perjanjian yang dipinda itu Baginda British akan terus bertanggungjawab terhadap hal ehwal luar Brunei, sebagaimana ternyata dalam fasal II perjanjian tersebut:

*"dan bahawa Baginda Queen hendaklah seterusnya berkuasa membuat undang-undang mengenai hal ehwal luar Negeri Brunei. Baginda Queen bersetuju akan memberitahu kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan mengenai sebarang tindakan yang*

---

<sup>54</sup> *Pelita Brunei*, 14 Oktober 1970.

*diambil atau yang dicadangkan untuk diambil oleh Baginda Queen bagi maksud Fasal ini.”<sup>55</sup>*

Pindaan pada perlembagaan Brunei telah memberi kuasa yang lebih kepada Brunei. Brunei akan memikul tanggongjawabnya yang lebih berat berbanding dengan perjanjian perlindungan tahun 1959, iaitu tanggungjawab dalam negeri sebagai persediaan Brunei untuk menumpukkan kemerdekaan yang akan datang. Apa yang menjadi tanggongjawab British ialah soal pertahanan sahaja seperti Fasal II yang disebutkan di atas tadi. Walau bagaimanapun beban keselamatan ini tidak semestinya dipikul oleh tentera British sahaja, malah kerjasama yang erat baik dari angkatan Askar Melayu Diraja Brunei dan Polis Diraja Brunei lebih diutamakan seperti syarat dalam Fasal II ceraian 5 (b) yang berbunyi:

*“Kerajaan Baginda Queen dan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Sultan akan berunding bersama untuk menentukan langkah-langkah seharusnya diambil, sama ada oleh masing-masing atau oleh kedua-dua pihak bersama-sama, mengenai dengan sebarang serangan dari luar negeri atau sebarang ancaman dari serangan sedemikian ke atas Negeri Brunei.”<sup>56</sup>*

Dari perjanjian ini dengan secara tidak langsung Kerajaan British memberi bantuannya untuk terus menerus bertanggongjawab bagi hubungan luar Brunei terutama dalam soal keselamatan. Sementara soal keselamatan dalam negeri adalah terletak di tangan Brunei sendiri dengan kerjasama Kerajaan British. Keadaan ini jelas dinyatakan dalam perjanjian ini Fasal II (2) yang berbunyi:

- “(a) Duli Yang Maha Mulia Sultan akan:*  
*(i) menukuhan, melengkapi dan memelihara pasukan-pasukan yang mencukupi untuk menjaga ketenteraman awam dalam negeri dan*

---

<sup>55</sup> *Agreement between Her Majesty The Queen of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland and His Highness the Sultan of Brunei amending the Agreement of 29 September 1959* Her Majesty's Stationery Offices, London, 23 November 1971, h. 12.

<sup>56</sup> *Agreement between Her Majesty The Queen of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland and His Highness the Sultan of Brunei amending the Agreement of 29 September 1959, op.cit., h. 13.*

*untuk menjadi baris yang pertama bagi pertahanan luar negeri.*<sup>57</sup>

Dari perbincangan ini, secara tidak langsung juga beban Kerajaan British ke atas Brunei bertambah kurang, kerana ianya diseimbangi oleh pertahanan dalam negeri oleh Kerajaan Brunei sendiri. Di sini menunjukkan kesedaran dari kedua belah pihak akan tanggongjawab mereka dalam mempereratkan hubungan persahabatan antara dua buah negara itu yang dihasilkan dari perjanjian kerjasama ini.

Kerajaan British mensifatkan perjanjian ini sebagai satu peringkat yang penting dalam hubungan antara Brunei dengan kerajaan British. Kenyataan ini jelas seperti ucapan Tuan Anthony Royle yang mengatakan "*Britain telah bersetuju untuk bertanggongjawab bagi hubungan luar Brunei. Adalah dipersetujui juga bahawa tanggongjawab British berhubung dengan hal ehwal dalam negeri Brunei di atas Brunei ditamatkan.*"<sup>58</sup>

Dari kenyataan di atas bahawa Kerajaan British tidak lagi campurtangan dalam hal ehwal negeri. Justru itu, baginda Sultan menyeru rakyat baginda supaya sama-sama memikul tanggongjawab itu. Ini membuktikan bahawa Brunei telah mencapai taraf kerajaan sendiri, termasuk ketenteraman awam. Ini bermakna perkembangan politik Brunei telah maju selangkah lagi untuk menuju ke arah kemerdekaan dengan berlandaskan hubungan yang muhibbah antara Kerajaan Brunei dengan Kerajaan British.

Kesan daripada perjanjian ini bagi Brunei, merupakan sikap ambil berat British terhadap keselamatan rantau ini, terutama dari rebutan kuasa-kuasa besar seperti China dan Russia yang sentiasa mengambil kesempatan

---

<sup>57</sup> *Ibid.*

<sup>58</sup> *Pelita Brunei*, 24 November 1971.

pengunduran tentera British dan Amerika dari rantau ini. Dari perbincangan ini jelas sikap British itu adalah untuk melindungi kedaulatan Brunei jika diancam oleh kuasa-kuasa besar atau anasir-anasir yang disifatkan oleh Brunei boleh mengancam ketenteraman dalam maupun luar negeri. Perjanjian ini juga memberi peluang kepada British terhadap perjanjiannya dengan lima kuasa yang dikuatkuasakan pada tahun 1968 antara Malaysia, Singapura, New Zealand dan Great Britain di mana British telah memperkekalkan sebahagian tenteranya di kawasan ini.

Untuk memajukan perkembangan dalam negeri Brunei bagi Brunei mempersiapkan dirinya untuk menempuh kemerdekaan yang akan datang, kerajaan Brunei meminta pegawai-pegawai dan kakitangan daripada England untuk mengisi jawatan pentadbiran dan melatih pasukan bersenjata Brunei seperti dalam Fasal III ceraian 2(b) Baginda Queen akan seterusnya menolong Duli Yang Maha Mulia Sultan sejauhmana yang United Kingdom boleh dengan:

- (i) meminjamkan kakitangan untuk menolong mengisikan jawatan, mentadbirkan dan melatih pasukan-pasukan bersenjata Duli Yang Maha Mulia Sultan.<sup>59</sup>

Daripada perjanjian ini Kerajaan Brunei akan meminjam tenaga mahir yang terlatih dan berpengalaman dari seberang laut terutama dari Great Britain, bagi mengisi keperluan negara. Walau bagaimanapun tidak bermakna pegawai-pegawai dan kakitangan daripada Britain ini akan mengisi semua jawatan yang kosong, tetapi adalah sebagai menjalankan tugas yang lebih sempurna dan memuaskan terhadap kehendak rakyat dan kemajuan negeri Brunei.

---

<sup>59</sup> *Agreement between Her Majesty The Queen of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland and His Highness the Sultan of Brunei amending the Agreement of 29 September 1959, op.cit., h. 13.*

Implikasi yang lebih besar daripada perjanjian ini ialah Brunei telah menampakkan dirinya berkemampuan memikul tanggungjawabnya sebagai sebuah negara merdeka. Walaupun soal kemerdekaan ini belum ditimbulkan dalam perjanjian ini dengan jelas, tetapi ciri-cirinya telah nampak terbayang iaitu dari segi tanggungjawab Brunei dalam negerinya.

Kehadiran tentera British di rantau ini kurang disenangi oleh sebahagian kecil negara-negara di rantau ini khususnya di Brunei kerana ianya seolah-olah mengancam keselamatan mereka dan bertentangan dengan perlaksanaan konsep rantau aman, bebas dan berkecuali.<sup>60</sup> Di samping itu ada pihak yang menuduh bahawa British akan mengekalkan monopoli Syarikat Minyak Shell di Brunei untuk mengaut hasil minyaknya. Kenyataan ini jelas dari kenyataan yang dikeluarkan oleh *Berita Harian* yang mengatakan bahawa sebab British suka mengekalkan tenteranya di sini adalah untuk melindungikekayaan Brunei dan tidak membiarkankekayaan itu jatuh ke tengah orang lain. Dengan kepentingan minyak inilah British tidak akan mencuaikan keselamatan Brunei.<sup>61</sup> Begitu juga dengankekayaan hasil gas asli yang dimiliki bersama oleh Mitsubishi (Jepun), Shell dan Kerajaan Brunei dalam jangka 20 tahun yang akan datang, hasil itu akan meningkat \$6,000 juta. Dengan sebab faktor ekonomi ini Brunei cuba mengekalkan peranan Britain dalam pertahanan Brunei.<sup>62</sup>

### **Brunei Menuju Kemerdekaan**

Pengunduran tentera British daripada Brunei ini adalah menjadi topik penting yang dibicarakan dalam tahun 1970an yang mana menyebabkan berlakukan pergolakan politik dalam negeri Brunei akibat dari penglibatan

---

<sup>60</sup> Fokas, "Limbang oh Limbang," *Dewan Masyarakat DBP*, k. Lumpur, April 1974.

<sup>61</sup> *Berita Harian*, 15 Julai 1975.

<sup>62</sup> *Ibid.*

negara jiran dalam menyokong perjuangan bekas perjuang Parti Rakyat Brunei (PRB) untuk mendapat kemerdekaan bagi Brunei.<sup>63</sup> Oleh itu dasar kerajaan Brunei yang mahu mengekalkan sebahagian tentera British di Brunei seperti perjanjian pindaan perlembagaan, 1971 adalah bertentangan dari segi dasar yang hendak diamalkan oleh pemimpin PRB. Dengan lain perkataan kemunculan PRB yang disokong oleh Malaysia untuk menuntut kemerdekaan Brunei dan pengunduran tentera British dari bumi Brunei menjadi isu penting dalam perbincangan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Segala tuntutan daripada pemimpin PRB untuk mengadakan jawatankuasa 4 persidangan yang ke 30 Perhimpunan Agong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi menentukan masa depan Brunei, di persidangan 3 segi telah ditolak oleh Kerajaan British. Alasan yang diberikan oleh pihak British ialah ia hanya bertanggongjawab terhadap perhubungan luar negeri dan soal-soal pertahanan Brunei.<sup>64</sup> Ini bermakna pemerintahan dalam negeri adalah diserahkan kepada baginda Sultan. Lord Goronway Robert, Setiausaha Rendah Parlimen Luar Negeri dan Komenwel menerangkan kepada Setiausaha Agong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ketika menjawab pertanyaan Lord Brockway tentang jawatankuasa Penghapusan Penjajahan Bangsa-Bangsa Bersatu. Beliau memberi alasan bahawa “Tanggongjawab British di Brunei adalah terhad kepada pertahanan dan hal ehwal luar saja.”<sup>65</sup> Lebih tegas beliau mengatakan bahawa Brunei tidak pernah menjadi sebuah tanah jajahan. Ia adalah sebuah negeri yang

---

<sup>63</sup> Untuk mendapat sokongan luar negeri, A.M. Azahari telah membuat satu memorendum yang bertajuk “Seruan memorendum kepada rakyat dan negeri-negeri yang damai” dikeluarkan pada 1 April 1975 bagi perjuangan mereka menuntut kemerdekaan Brunei daripada British. *Berita Harian* yang menyatakan: “Parti Rakyat Brunei telah mengeluarkan manifestonya yang dicetak di Bandar Seri Begawan pada 1 April 1975 setebal 16 lembar dalam bahasa Malaysia dan Inggeris untuk disiarkan tidak hanya di luar negeri tetapi juga di dalam negeri Brunei.”

<sup>64</sup> *Berita Harian*, 7 Disember 1975.

<sup>65</sup> *Ibid*, 31 Disember 1975.

berdaulat dan peraturan dalam negeri adalah di bawah kuasanya sendiri yang menentukannya.<sup>66</sup>

Daripada perbincangan di atas nampaknya terdapat pertentangan pendapat antara pemimpin Parti Rakyat Brunei yang mendapat sokongan daripada Kerajaan Malaysia<sup>67</sup> dengan Kerajaan Brunei. Keadaan ini berlaku disebabkan British menyerahkan soal kemerdekaan ini kepada Brunei sendiri sebab hal ini kena mengena dengan dasar dalam negeri Brunei. Sementara pihak lain khususnya Malaysia dan PRB membidas sikap Inggeris itu sebagai sengaja cuba menyelewangkan kenyataan dengan alasan Brunei adalah tanah jajahan Inggeris. Keadaan inilah yang menyebabkan konflik yang berlaku ke atas Brunei hingga menyeret Brunei ke dalam isu antarabangsa. Kekecohan ini disebabkan oleh alasan United Kingdom yang menyarankan bahawa Brunei tidak pernah dijajah dan Brunei dengan secara sukarela meminta perlindungan sejak 100 tahun dahulu. Soal isu kemerdekaan ini telah menyebabkan timbul pergeseran hubungan antara Brunei dan Malaysia yang berlanjutan dengan isu tuntutan terhadap wilayah Limbang<sup>68</sup> dan juga isu pelarian tahanan Berakas<sup>69</sup> pada tahun

---

<sup>66</sup> *Pelita Brunei*, 26 November 1975.

<sup>67</sup> Malaysia menganggap tuntutan itu sebagai satu yang memang adil dan hak dan sesuai sekali dengan tujuan dan prinsip piagam Bangsa-Bangsa Bersatu dan dengan perisytiharan mengenai kurnia kemerdekaan kepada negeri-negeri dan rakyat tanah jajahan.

<sup>68</sup> Pengambilan Limbang oleh Charles Brooke pada tahun 1890 disifatkan oleh dari segi undang-undang antarabangsa ianya tidak sah, kerana ia tidak mempunyai perjanjian yang bertulis atau perjanjian yang ditandatangani di antara Sultan Brunei dengan Raja Charles Brooke.<sup>68</sup> Ini salah satu faktor yang menyebabkan pembabitan pihak British dalam pergelutan hubungan Brunei dengan Malaysia. Tuntutan Brunei secara terbuka terhadap Limbang oleh Duli Yang Teramat Mula Paduka Seri Begawan Sultan ialah semasa pembukaan resmi pameran buku-buku yang berlangsung di Bandar Seri Begawan pada bulan September 1970. Baginda menyeru kepada para pelukis dan penulis dengan titah baginda: "Beta sukacita menumpukan permintaan Beta kepada penulis dan kepada pelukis atau pemeta yakni tukang lukis, tukang pelukis dan tukang membuat peta, jangan membubuh atau jangan diguris (garis) sempadan Brunei dengan Limbang." Haji Abdul Razak, kepada Setiausaha Rendah Pejabat Tanah Jajahan Hal Ehwal Luar Negeri dan Komenwel di London mengenai tuntutan Limbang. Dalam perutusan yang dikirim oleh Tun Haji Abdul Razak ini beliau dengan senang mengelakkan tuntutan Brunei ke atas Limbang dengan alasan bahawa tuntutan Brunei ke atas Limbang bukan soal baru dan ianya tidak bersedia melayan sebagai perundingan mengenai tuntutan Brunei ke atas Limbang. Beliau mensifatkan

1970an. Kedua-dua isu ini menyebabkan Kerajaan British tersepit di menjadi orang tengah untuk memulihkan hubungan antara kedua buah negara malah menharapkan agar Brunei menerima ajakan Malaysia menjadi sebahagian dari wilayahnya. Bagaimanapun, persoalan kemasukan ke dalam Malaysia adalah bergantung kepada keputusan baginda Sultan sendiri tanpa ada paksaan dari Kerajaan British.

Dalam bulan November 1974, Kerajaan Buruh berkuasa di Great Britain dan menyebabkan dasar penarikan balik Pasukan Gurkha telah ditimbulkan. Pada bulan Januari 1976, Menteri Rendah di Pejabat Hal Ehwal Luar Negeri dan Kommonwal telah melawat Brunei dan mengatakan bahawa '*the inevitability of Gurkhas withdrawal and of the necessary changes in the long-standing relationship between Britain and the Sultanate*'<sup>70</sup> Bagaimanapun, baginda Sultan dan Paduka Seri Begawan Sultan berjaya memujuk Kerajaan British untuk menangguhkan penarikan tersebut sehingga Brunei mencapai status berkerajan sendiri akhir tahun 1983.<sup>71</sup>

Dalam masa yang sama isu kemerdekaan Brunei juga sering diperbincangkan di meja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei

---

perundangan mengenai Limbang itu tidak mendatangkan sebarang faedah yang berguna bahkan ianya boleh menimbulkan keadaan buruk.

<sup>69</sup> Mereka yang telah berjaya melepaskan diri daripada tahanan Berakas pada 13 Julai 1973 dengan menggunakan kereta menuju ke Muara. Di Muara Zaini dan kawan-kawan yang lain telah menaiki motorbot untuk menuju ke Labuan. Oleh kerana motorbot mereka kecil, mereka membatalkan pelarian mereka ke sana lalu ke Limbang. Walau pun Tun Mustafa sudah menunggu mereka di Labuan. Di Limbang mereka lebih kurang 10 orang telah menyerah diri kepada OCPD. Polis Station Limbang dengan alasan lari dari tahanan. Berikutnya mereka memberitahu T.Y.T Sarawak Tengku Bujang, untuk menyampaikan perutusan mereka kepada Tun Abdul Razak. Dengan ini Tun Abdul Razak telah membawa Zaini dari Limbang ke Kuching dan terus ke Kuala Lumpur setelah diam di Kuching selama dua minggu.

<sup>70</sup> Michael Leifer, 'Decolonisation and International Status: The Experience of Brunei', *International Affairs*, Vol. 54, No. 1 (April 1978), hal. 247.

<sup>71</sup> *Straits Times*, 1 June dan 4 Disember 1978.

dengan resminya telah mengisytiharkan bahawa Brunei akan menempuh kemerdekaan dalam tempoh lima tahun daripada penghujung tahun 1978. Perisyiharan baginda ini dilafazkan semasa menyambut hari puja usia baginda ke 32 tahun pada 15 Julai 1978, baginda bertitah:

*"Persetujuan telah dicapai yang baru-baru ini diadakan di London dengan izin Allah akan membolehkan beta dan kerajaan beta berusaha pada melengkapkan Negeri Brunei untuk mencapai semula tarafnya sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka dalam tempoh lima tahun daripada penghujungan tahun 1978."*<sup>72</sup>

Daripada titah di atas, satu era baru telah berlaku dalam Sejarah Brunei bahawa Brunei akan melepaskan ikatannya dengan Great Britain sebagai negara penaung dalam hal ehwal luar negeri dan Brunei akan cuba berdiri di atas kaki sendiri. Dari titah ini juga bahawa persetujuan telah dicapai antara kedua belah pihak bahawa perjanjian akan ditandatangani pada bulan Januari 1979. Baginda berharap dengan adanya perjanjian kemerdekaan ini akan mengeratkan lagi hubungan Brunei dengan Kerajaan British, yang sudah terjalin sejak 100 tahun dahulu.<sup>73</sup> Bagi menandatangani perjanjian ini, baginda Sultan telah berangkat ke London, dengan harapan perjanjian yang akan dipersetujui ini akan meninggikan lagi kedaulatan negeri Brunei, sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka dalam memikul tanggongjawab yang penuh dalam hal ehwal antarabangsa.

Dalam persidangan di London ini pada 29 September 1978, satu ketetapan permulaan menandatangani perjanjian ke arah kemerdekaan telah dicapai, bahawa dalam perjanjian ini telah menetapkan pada 1983 nanti Brunei akan menjadi sebuah negara yang merdeka. Kenyataan ini dapat dilihat daripada isi perjanjian yang bakal diresmikan pada 7 Januari 1979 nanti yang berbunyi:

---

<sup>72</sup> *Pelita Brunei.*, 19 Julai 1978.

<sup>73</sup> *Ibid.*

*"Dengan mempertimbangkan bahawa Negeri Brunei telah bersetuju mengambil alih semula dengan secara penuh bertanggongjawab antarabangsa sebagai sebuah Negara yang berdaulat lagi merdeka."*<sup>74</sup>

Upacara menandatangani perjanjian penentuan kemerdekaan ini berlangsung di satu upacara di Pejabat Luar British di London. Dalam perjanjian ini, baginda Sultan telah menandatangani surat perjanjian itu bagi pihak kerajaan Brunei, sementara itu bagi pihak Kerajaan British, Lord Goronway Roberts menandatangani bagi pihak Baginda Queen. Perjanjian ini disaksikan oleh Paduka Seri Begawan Sultan. Setelah selesai upacara itu, satu upacara ucap selamat daripada Menteri Negara British Lord Goronway Roberts, mengharap perjanjian yang baru ditandatangani itu akan mengeratkan lagi dalam bidang kerjasama dan persahabatan antara Kerajaan Brunei dengan Kerajaan British.<sup>75</sup>

Pada hari Ahad, Januari 1979, baginda Sultan telah dengan resminya menandatangani perjanjian kemerdekaan yang mensahkan termeterinya Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama antara Kerajaan Brunei dengan United Kingdom yang membawa Brunei ke arah kemerdekaan pada penghujung tahun 1983. Perjanjian ini ditandatangani di Lapau Diraja dengan penuh adat istiadat, yang dihadiri oleh orang-orang kenamaan dan pembesar negara. Bagi pihak Kerajaan British, Yang Amat Berhormat Lord Goronway Roberts, Menteri Hal Ehwal Luar Komenwel, selaku wakil Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen. Turut menandatangani perjanjian ini selaku saksi daripada Kerajaan British ialah Tuan Yang Teramat Mulia Pesuruhjaya Tinggi British A.C. Watson. Bagi Brunei pula saksi pertama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran

---

<sup>74</sup> *Treaty of Friendship and Co-operation between Her Majesty The Queen of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland and His Highness Paduka Seri Baginda Sultan and Yang Dpertuan of Brunei with Exchange of Notes, Bandar Seri Begawan, 7 Januari 1979, Her Majesty's Stationery Office, London, 1979, h. 15.*

<sup>75</sup> *Pelita Brunei, 4 Oktober 1978.*

Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah. Dari segi hubungan Brunei dengan Britain, Brunei akan terus mengalakkan hubungan yang muhibbah dengannya. Tidak hanya tamatnya seperti tamatnya perjanjian yang berjalan selama ini. Keadaan ini jelas seperti titah baginda:

*“Beta sekali lagi menegaskan bahawa kemerdekaan Negeri Brunei Darussalam ini tidak akan mengugat hubungan yang baik yang sudah terjalin wujud antara Kerajaan Beta dengan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen dengan berasaskan perhubungan yang jujur dan ikhlas bagi faedah, kebajikan kedua-dua negeri yang bersahabat baik den begitu juga dengan perhubungan negara-negara lain yang sudi menghulurkan persahabatn sama ada dekat atau pun jauh.”<sup>76</sup>*

### **Perisytiharan Kemerdekaan Brunei**

Menjelang 1 Januari 1984 jam 12.00 tengah malam berakhirnya detik-detik 1983, Brunei dengan sendirinya telah mendapat kemerdekaan penuh dengan disaksikan oleh ribuan rakyat dan penduduk Brunei sendiri yang berada di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin. Selain daripada rakyat Brunei, agensi-agensi kerajaan, badan sukarela yang turut juga menyaksikan perisytiharan ini ialah Pesuruhjaya Tinggi British Tuan Francis Cornish mewakili Ratu Elizabeth.<sup>77</sup> Sementara mereka yang tidak berkesempatan datang dihari pemasyhuran itu dapat menyaksikan detik-detik kemerdekaan itu di kaca televisyen dan corong radio masing-masing.<sup>78</sup>

Perisytiharan kemerdekaan itu telah dilakukan oleh baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan dihadapi 30,000 orang rakyat jelata yang basah kuyup, akibat hujan lebat sejak awal senja di taman itu.<sup>79</sup> Titah permasyhuran telah

---

<sup>76</sup> *Pelita Brunei*, 18 Ogos 1983.

<sup>77</sup> *Berita Harian*, 2 Januari 1984.

<sup>78</sup> *Pelita Brunei*, 4 Januari 1984.

<sup>79</sup> *Utusan Melayu*, 2 Januari 1984.

dimulakan dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Yang Maha Mengasihani MEMASYHUR DAN MENGISYIHKAN Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu wa Ta'ala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka.<sup>80</sup>

Dengan perisytiharan kemerdekaan ini sejarah telah mencatatkan bahawa resmilah Brunei menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Dengan ini juga Brunei dengan sendirinya akan memikul satu tanggungjawab yang berat, iaitu tanggungjawab antarabangsa yang selama ini dipegang oleh British. Kenyataan ini jelas di dalam titah baginda:

*“Sekarang tiba masanya bagi Negara Brunei Darussalam mengambilalih semula tanggungjawab antarabangsa sepenuh sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka di kalangan masyarakat antarabangsa.”<sup>81</sup>*

Pada perisytiharan ini baginda Sultan telah berjanji akan memelihara perhubungan persahabatan antarabangsa dengan dasar saling hormat menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah yang bebas dari campurtangan luar. Baginda juga berharap kemerdekaan Brunei ini akan kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan Demokrasi berlandaskan ajaran-ajaran Islam.<sup>82</sup>

---

<sup>80</sup> Pelita Brunei, 4 Januari 1984.

<sup>81</sup> Utusan Melayu, 2 Januari 1984.

<sup>82</sup> Konsep Negara Melayu Islam Beraja bukanlah merupakan konsep yang baru tetapi adalah juga dipercayai bahawa konsep ini merupakan falsafah kenegaraan Brunei yang sedang diteliti oleh kalangan yang berminat. Sebahagian penelitian itu berpuncak daripada kecurigaan, dan sebahagian lagi didorongkan oleh usaha mempastikan konsep tersebut tidak akan menjaskan kepentingan mereka. Brunei sebenarnya mengalu-alukan kalangan yang berminat terhadap konsep Negara Melayu Islam Beraja yang merupakan tekad dan aspirasi bangsa Brunei di zaman ini.

Daripada permasyhuran kemerdekaan ini jelas kuasa tertinggi masih tetap di tangan baginda dengan berlandaskan ajaran-ajaran Islam. Walau bagaimanapun baginda telah membentuk kabinet yang baru bagi menyelaraskan kuasa baginda, sesuai dengan Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka dan berdaulat. Kenyataan ini dapat dibuktikan dari undang-undang Perlembagaan 1959 yang masih dikekalkan walaupun terdapat sedikit pindaan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bertitah akan mengadakan satu susunan Kabinet baru dalam pentadbiran kerajaan Brunei mulai pada 1 Januari 1984 sesuai dengan negara yang merdeka. Kenyataan di atas dapat dilihat daripada titah baginda yang berbunyi:

*“Susunan pentadbiran yang baru itu akan mengandungi beberapa kementerian dan akan Beta umumkan pada awal bulan Januari tahun hadapan.”<sup>83</sup>*

Di dalam perisytiharan yang merujuk kepada perjanjian persahabatan dan kerjasama dengan United Kingdom, dengan tempoh 31 Disember 1983 telah tamat, dan dengan tamatnya tempoh ini, hak dan kuasa tanggungjawab urusan luar negeri telah dikembalikan kepada Baginda di hari perisytiharan kemerdekaan ini. Akhir sekali di hari perisytiharan ini baginda akan berusaha untuk memperolehi ketenteraman dan keselamatan negara bagi kebajikan dan kebahagian rakyat Brunei. Setelah selesainya upacara baginda Sultan memasyhurkan perisytiharan kemerdekaan itu, ayahanda Peduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin melaungkan dan mengepalai seruan Allahu Akhbar sebanyak tiga kali dengan diikuti oleh rakyat jelata yang diiringi dengan tembakkan meriam sebanyak 21 das.

Pada petangnya, baginda Sultan mengepalai beribu-ribu umat Islam menunaikan sembahynag fardhu maghrib dan Isyak berjemaah di Masjid Sultan

---

<sup>83</sup> *Pelita Brunei*, 28 Disember 1983.

Omar Ali Saifuddin. Upacara yang sama juga diikuti oleh seluruh masjid surau di seluruh negeri. Begitu juga bacaan curah Yassin dan doa khas kerananya.

Di sat-saat detik-detik kemerdekaan tiba, Yang Amat Mulia Grand Chamberlain naik mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyembahkan watikan permasyhuran kemerdekaan. Tepat saja jam 12.00 tengah malam baginda telah melafazkan titah perisytiharan permasyhuran kemerdekaan.

Perisytiharan kemerdekaan Brunei adalah sederhana sahaja, tetapi mempunyai pengertian dan makna yang mendalam. Contohnya dari gema Allahu Akhbar tadi, dan rakyat tidak menyambut dengan teriakan merdeka, ini menunjukkan bahawa kemerdekaan Brunei disambut dengan cara keislaman. Lebih tegas lagi kemerdekaan Brunei bukanlah satu perjuangan merebut kemerdekaan dari negara yang menjajahnya. Keadaan ini dapat dilihat daripada titah baginda:

*"DAN BAHAWASANYA, Negeri Brunei tidak pernah menjadi tanah jajahan, tetapi mempunyai perhubungan perjanjian istimewa dengan United Kingdom sejak 1847 dengan mana kemudiannya pada tahun 1888 telah dipesetujui bahawa perhubungan luar negeri menjadi tanggungjawab kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen bagi United Kingdom of Great Britain and North Ireland."<sup>84</sup>*

Sambutan Hari Kebangsaan dengan resminya akan disambut pada 23 Februari 1984 dan setiap tibanya tarikh ini Hari Kebangsaan akan disambut seperti biasa setiap tahun. Sempena perisytiharan kemerdekaan ini, baginda Sultan telah menerima sembah perutusan dan ucapan tahniah dari ketua-ketua negara dan kerajaan dari beberapa buah negara luar bagi mengucapkan selamat di atas kemerdekaan Brunei. Termasuk sembah perutusan kemerdekaan daripada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, Perdana Menteri British, Puan Margeret Thatcher dan beberapa pemimpin dunia

---

<sup>84</sup> Pelita Brunei, 4 Januari 1984.

yang lain.<sup>85</sup> Bagaimanapun, selepas pencapaian kemerdekaan Kerajaan British masih bersetuju untuk mengekalkan batallion Gurkha di Brunei berdasarkan kepada perjanjian pertahanan yang telah ditandatangani pada bulan September 1983.<sup>86</sup>

Kesimpulan bahawa hubungan Brunei – Great Britain telah diikat berdasarkan kepada perjanjian yang bermula pada tahun 1847, 1888, 1906, 1959, 1971 dan kemudian 1979. perjanjian-perjanjian adalah merupakan alat yang digunakan samada bagi pihak British dan Brunei untuk kepentingan politik dan ekonomi masing-masing. Bagi Brunei ikatan perjanjian dengan Kerajaan British yang bermula dari tahun 1847 sehingga ke tahun 1979 telah dapat melindungi Brunei dari segala ancaman dari dalam dan luar negeri demi mempertahankan survival dan kedaulatannya.

---

<sup>85</sup> Turut juga memberi ucapan selamat ialah Presiden Ronald Reagan, Presiden Amerika Syarikat; Zia Ul Haq, Presiden Pakistan; Tuan Zail Singh, Presiden India; Tuan Francois Meterand, Presiden Perancis; Tuan Joao Baptista de Oliveira Fijuriredo, Presiden Federative Brazil; tuan Dr. Rufol Kirchslager, Presiden Republik Austria dan Tuan Lt. General Hussein Mohammad Drshad, Presiden Bangladesh. Tidak ketinggalan juga ialah Tuan R.J.L. Hawke, Perdana Menteri Australia; R.F.M. Lumbers, Presiden Belanda dan Tuan Sir Ninian Stephen, Gabenor General Surtalia. (Lihat *Pelita Brunei*, 4 Januari 1984).

<sup>86</sup> Tim Huxley, *Brunei's Defence Policy and Military Expenditure*, Working Paper No. 166, Canberra, September 1988, hal. 13.